



# ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2020

## BORANG PENCALONAN BELIA CEMERLANG

Kategori ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada belia yang telah memberikan sumbangan jasa yang cemerlang dalam kerja atau usaha-usaha yang ditunjukkan dalam mengharumkan nama Negara dalam pelbagai bidang.

### 1. Syarat-syarat layak pencalonan:

- a) **Pencalonan adalah terbuka kepada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap, lelaki atau perempuan yang berumur tidak lebih daripada 40 tahun pada 1 Ogos 2020 terdiri daripada belia perseorangan atau belia-belia di dalam pergerakan/ organisasi belia yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**
- b) Hendaklah **dicalonkan oleh pergerakan atau organisasi masing-masing atau pihak pengajur atau pihak-pihak berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**
- c) **Belum pernah menerima** Anugerah Hari Belia Kebangsaan untuk kategori yang sama.
- d) Borang pencalonan yang telah disediakan oleh pihak pengajur boleh di dapat dengan melayari laman sesawang Hari Belia Kebangsaan ([www.hbk.gov.bn](http://www.hbk.gov.bn)) atau YSNet ([www.ysnet.gov.bn](http://www.ysnet.gov.bn)).
- e) Setiap calon dikehendaki mengisikan borang yang disediakan dan menyertakan dokumen yang dikehendaki melalui link yang diberikan. **Borang pencalonan yang tidak lengkap akan ditolak.**
- f) Pencalonan akan **dibukakan bermula pada hari Rabu, 13 Jun 2020 dan tarikh tutup pencalonan pada hari Khamis, 27 Jun 2020.**
- g) **Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan berhak menolak sebarang pencalonan tanpa perlu memberikan sebarang penjelasan.**

**2. Arahan Am / Makluman:**

- a) Dokumen-dokumen berikut **hendaklah dihantar melalui e-mel [anugerahharibeliakebangsaan@gmail.com](mailto:anugerahharibeliakebangsaan@gmail.com) dalam bentuk softcopy/ scanned documents:-**
  - i. Salinan kad pengenalan pintar.
  - ii. Gambar calon yang terkini untuk kegunaan media (Menggunakan resolusi berkualiti tinggi).
  - iii. Laporan dan gambar-gambar projek/aktiviti calon bagi sokongan penilaian (jika ada).
  - iv. Salinan sijil kerakyatan (jika ada).
  - v. Dokumen pencapaian seperti salinan sijil-sijil dll (jika ada).
  - vi. Dokumen penglibatan seperti Surat lantikan dll (jika ada).
  
- b) Setiap calon adalah dikehendaki untuk
  - i. Mendaftarkan diri ke dalam YSNet dengan menggunakan akaun e-Darussalam;
  - ii. Klik pada **Program - Memohon Program**, pilih nama anugerah yang hendak dipohon dan klik 'Daftar' seterusnya klik 'Daftar Sekarang';

**3. Kriteria Penilaian:**

- a) Mempunyai pencapaian tinggi dan seimbang dengan ciri-ciri sikap positif yang berhasil membawa kejayaan dalam bentuk yang terbaik bagi negara.
  
- b) Berkeupayaan, berkemampuan atau berkebolehan membuat yang terbaik dalam bidang masing-masing. Ilmu pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam menjayakan usaha atau tugas calon.
  
- c) Kreatif dan inovatif. Mempunyai kemampuan berfikir ataupun bertindak dari sudut pandangan yang berbeza di samping mempunyai kemampuan untuk menghasilkan karya/ciptaan baru.
  
- d) Berkesan atau efektif. Usaha calon membawa hasil yang berguna, menepati kehendak dan dihargai.
  
- e) Berdaya saing yang tinggi berorientasi global menjadikan calon lebih *marketable* sungguhpun di luar negara.
  
- f) Bermotivasi tinggi untuk meningkatkan kemajuan dan pencapaian.
  
- g) Mudah menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan sama ada dalam negara sendiri maupun di perantauan.
  
- h) Berakhhlak mulia dan memiliki nilai-nilai murni yang terpuji. Bersikap patriotik.